

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08 MARCH 2017

PEMBUNUHAN ABANG PEMIMPIN KOREA UTARA

Utama usaha bawa pulang rakyat kita di Pyongyang

BH-8/3/2017.

Mesyuarat tergepar cari jalan
selesai isu Korea Utara, Malaysia

**Oleh Rafidah Mat Ruzki,
Mohd Iskandar Ibrahim,
Khairul Azran Hussin
dan Ahmad Suhael Adnan**
bhnews@bh.com.my

✦ Shah Alam

Mesyuarat tergepar Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan Datuk Seri Najib Razak semalam antara lain mencari jalan penyelesaian isu antara Malaysia dan Korea Utara dengan keutamaan untuk membawa pulang 11 rakyat kita yang dijadikan tebusan oleh Pyongyang.

Ini susulan tindakan Pyongyang melarang semua rakyat negara ini daripada meninggalkan Korea Utara, seperti dilaporkan agensi berita KCNA iaitu media rasmi Korea Utara.

Perdana Menteri menerusi blog rasminya malam tadi berkata, keselamatan semua rakyat Malaysia di Korea Utara dan usaha membawa mereka pulang, menjadi keutamaan kerajaan.

"Sekembalinya dari Jakarta, saya

mempengerusikan mesyuarat tergepar MKN dan saya sudah diberi taklimat terperinci mengenai situasi semasa. Saya faham perasaan dan kebimbangan keluarga serta rakan. Justeru, fokus utama kita adalah memastikan keselamatan serta membawa pulang rakyat Malaysia yang berada di sana," katanya.

Beliau berkata, kerajaan memberi jaminan akan melakukan segala yang terdaya untuk memastikan semua rakyat Malaysia pulang ke tanah air dengan selamat.

Cara terbaik selesai isu

Jurucakap Pejabat Perdana Menteri (PMO) pula berkata, mesyuarat selama 45 minit yang diadakan di Pangkalan TUDM Subang itu untuk melihat cara terbaik menyelesaikan isu antara dua negara. Ia diadakan sejurus Perdana Menteri tiba dari Jakarta selepas menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin Persatuan Negara-Negara Pesisir Lautan Hindi (IORA).

Beliau berkata, selain Najib, mesyuarat itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta Men-



Najib Razak,
Perdana Menteri

Malaysia komited mengekalkan hubungan dengan semua negara, namun keselamatan rakyat negara tetap menjadi keutamaan dan kami tidak teragak-agak mengambil apa jua langkah diperlukan jika mereka diancam"

teri Komunikasi; Multimedia, Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Ali Hamsa.

Yang turut menghadiri mesyuarat tergepar itu adalah Peguam Negara, Tan Sri Mohamad Apandi Ali; Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar; Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor; Ketua Pengarah MKN, Tan Sri Zulkifeli Mohd Zain; Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Seri Mustafar Ali; Ketua Setiausaha Kementerian Luar; Datuk Ramlan Ibrahim dan Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun.

Dalam satu kenyataan, pagi semalam pula, Najib mendesak Korea Utara membebaskan semua rakyat Malaysia di negara itu yang dijadikan tebusan dalam kadar segera.

Perdana Menteri berkata, penahanan rakyat Malaysia sebagai tebusan itu adalah tindakan keji, selain melanggar semua undang-undang antarabangsa serta norma diplomatik.

"Saya mengutuk sekeras-kerasnya

keputusan Korea Utara menghalang rakyat Malaysia daripada meninggalkan negara itu," katanya.

Beliau juga mengarahkan Ketua Polis Negara menghalang semua rakyat Korea Utara daripada meninggalkan Malaysia, sehinggalah kerajaan memastikan keselamatan rakyat negara ini di Korea Utara.

Komited kekal hubungan

"Malaysia komited mengekalkan hubungan dengan semua negara, namun keselamatan rakyat negara tetap menjadi keutamaan, dan kami tidak teragak-agak mengambil apa jua langkah diperlukan jika mereka diancam.

"Kami mengharapkan satu resolusi secepat mungkin. Saya menyeru pemimpin Korea Utara membebaskan rakyat Malaysia bagi mengelakkan perkara ini menjadi bertambah buruk," katanya.

Sebelas rakyat Malaysia yang berada di Pyongyang sekarang terdiri daripada tiga kakitangan kedutaan Malaysia, iaitu Pegawai Tadbir Diplomatik yang juga Kaunselor kedutaan, Mohd Nor Azrin

Md Zain; Pembantu Peribadi kepada Duta Besar, Noor Saidah Jamaluddin serta Pembantu Pentadbiran, Nirmala Malar Kodi Singaram.

Baki lagi lapan warga Malaysia adalah ahli keluarga kepada dua kakitangan, iaitu Mohd Nor Azrin dan Noor Saidah, serta dua sukarelawan program bantuan makanan sedunia anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang identitinya tidak dapat dipastikan.

Hubungan diplomatik antara Malaysia dan Korea Utara yang bermula sejak 1973, menjadi tegang sejak kes kematian Kim Jong-nam, abang kepada pemimpin Korea Utara, Kim Jong-Un, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2), 13 Februari lalu.

Kedadaan menjadi kusut apabila Duta Besar Korea Utara ke Malaysia, Kang Chol, menuduh Malaysia berkomplot dengan pihak luar dalam siasatan pembunuhan Jong-nam, yang kemudian membawa kepada pengusirannya, kelmarin.